

Pelajar bukan sastera hadapi kesukaran

Archival News | Berita Harian | 04/10/2000 | Author: Syuhada Choo Abdullah

SEKALIPUN Teks Komponen Wajib Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu masih baru diperkenal pada Mac lalu, namun penerimaan pelajar terhadap langkah berkenaan amat positif, sekali gus memberi petanda baik terhadap usaha memastikan kesenimbangan perkembangan khazanah sastera tanah air.

Namun, pelajar tingkatan empat yang bakal menjadi kumpulan pertama calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam pembelajaran teks berkenaan terutama mereka yang bukan dari aliran sastera, mengaku menghadapi sedikit kesulitan terutama pada peringkat awal.

Sehubungan itu, mereka menyarankan supaya proses pengajaran dan pembelajaran komponen berkenaan dilaksanakan dalam pelbagai kaedah menarik supaya ia lebih menarik dan pelajar dapat memahaminya dengan lebih berkesan berbanding hanya melalui cara bacaan sendiri dan juga penerangan lisan oleh guru.

Pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur, Adriana Sufun Phillip, berkata ada kalanya pembelajaran teks komponen kesusasteraan itu agak membebankan kerana memerlukan pemahaman teliti dan penguasaan ilmu bahasa yang baik.

Bagaimanapun, katanya, guru di sekolah banyak membantu dengan memberikan penjelasan dan menampilkan kaedah pengajaran menarik, di samping beliau sendiri memang mempunyai asas penguasaan bahasa Melayu daripada hasil bacaan bahan kesusasteraan sebelum ini.

Malah, pelajar aliran perdagangan itu menyambut baik dan menyifatkan langkah pelaksanaan komponen berkenaan sebagai tepat pada masanya untuk memastikan generasi muda turut memperoleh pendedahan mengenali warisan bahasa negara.

"Sebagai generasi pelapis, pelajar memang perlu diberikan pendedahan mengenai perkembangan kesusasteraan bahasa tanah air kerana ramai yang masih belum mengenali ataupun menghargainya. Ini penting supaya mereka tidak hanya tertumpu kepada pengaruh budaya Barat.

"Justeru bagi menjadikan pembelajaran teks komponen kesusasteraan itu lebih menarik serta berkesan di sekolah, pelbagai kaedah boleh digunakan untuk meningkatkan pemahaman pelajar seperti melalui teknik pementasan yang boleh memberikan impak penghayatan mendalam.

"Selain itu, kaedah lain seperti menonton rakaman video, teknik bercerita mahupun mengadakan sesi pembentangan juga boleh membantu meningkatkan minat dan pemahaman pelajar," katanya.

Rakannya, Nur A'ainaa Muhammad Nor Anwar, 16, turut menyokong pelaksanaan teks komponen kesusasteraan Melayu itu yang disifatkan sebagai unik dan boleh membantu mempertingkatkan penguasaan bahasa di kalangan pelajar.

Namun sebagai kumpulan calon pertama yang bakal diuji pemahaman dalam SPM tahun depan, menurutnya mereka rata-rata masih belum jelas mengenai konsep sebenar soalan akan dihadapi kelak.

"Bagaimanapun, guru banyak membantu dengan memberikan latihan dan gambaran konsep soalan. Selain kaedah pengajaran yang biasa, pelbagai alternatif boleh diguna untuk meningkatkan pemahaman pelajar," katanya.

Seorang lagi pelajar tingkatan empat, Jacqueline Leong, berkata baginya

pembelajaran teks komponen kesusasteraan Melayu itu agak sukar kerana tidak pernah memperoleh pendedahan mengenainya sebelum ini.

Begitupun, dia akan berusaha mengatasi kelemahan itu dengan bantuan guru di samping meningkatkan pemahaman melalui pembabitkan dalam pelbagai kaedah pembelajaran menarik dianjurkan seperti Program Apresiasi Drama Teks Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu yang diadakan di Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM), baru-baru ini.

Program anjuran bersama IBMM dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) itu membabitkan penyertaan 11 sekolah menengah dari sekitar Kuala Lumpur dan juga Selangor.

"Aktiviti sebegini banyak membantu pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap kandungan karya dalam teks komponen kesusasteraan Melayu terbabit," katanya.

Sementara itu dalam program apresiasi drama yang diadakan buat pertama kalinya, SMK Convent Bukit Nanas mementaskan karya 'Puteri Li Poh' (teks tingkatan lima), SMK Seri Pantai (Bila Retak Kota Melaka - teks tingkatan satu), SMK (P) Methodist (Titik-Titik Perjuangan - teks tingkatan empat), SM Alam Shah (Asar Belum Berakhir - teks tingkatan tiga), SMK Bangsar (Kerusi - teks tingkatan lima), SM Sri Puteri (Serunai Malam - teks tingkatan empat), SMK Seaport (Angin - teks tingkatan dua), SM Victoria (Buyung - teks tingkatan dua), SMK Subang Jaya (Penunggu Pusaka - teks tingkatan dua), SMK Subang Utama (Jerat - teks tingkatan satu), dan SMK Bukit Bandaraya (Seri Nara - teks tingkatan empat).

Selain itu, IBMM turut mementaskan drama 'Jangan Bunuh Rama-Rama' (teks tingkatan lima) di samping pelajar berpeluang mengikuti beberapa sesi dialog bersama penulis terkenal.

Pengurus Produksi dan Pementasan program itu, Mohd Sharifuddin Yusof, berkata setiap sekolah terbabit diwakili antara 20 sehingga 30 pelajar mementaskan drama teks yang akan mereka pelajari pada tahun depan.

Menurutnya, setiap pementasan drama berkenaan dirakam dan dibuat salinan dalam bentuk pita video dan cakera padat sebelum diedar secara percuma kepada sekolah terbabit sebagai alat bantu mengajar di sekolah.

Beliau berkata, penekanan program itu bukan hanya tertumpu kepada kesempurnaan dalam lakonan, sebaliknya apresiasi teks supaya pelajar memahami secara lebih mendalam.

"Sebenarnya dalam program ini, bentuk persembahan pentas adalah bebas dan bukan lakonan saja. Antara saranan diberikan ialah secara pentomim, teater pembaca dan juga teater bercerita.

"Objektif penganjuran program itu ialah untuk memberi pendedahan serta kemahiran mengenai teknik apresiasi teks drama kepada guru dan pelajar sebagai salah satu kaedah pemahaman dan juga penghayatan teks.

"Ketika ini, IBMM bersama DBP sedang mengadakan program penerangan kepada sekolah secara bergerak berdasarkan permintaan ke seluruh negara untuk memberikan gambaran lebih jelas mengenai pelaksanaan teks komponen kesusasteraan Melayu itu.

"Ini kerana masih ada kekeliruan di kalangan pihak sekolah, terutama dari aspek pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi beberapa perkara seperti berhubung tenaga pengajar," katanya.

(END) Source : Berita Harian